

Ada senarai kuasa Pusat, negeri - Tun M

UM-5/1/2019 m/s: 2

Oleh **FADZIL ZAINOL dan
BADRUL ISA**

penarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 4 JAN.**

SEWAKTU kerajaan Persekutuan dibentuk beberapa tahun sebelum kemerdekaan, telah diwujudkan senarai kuasa di bawah kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tiada disebut bahawa kerajaan Pusat tidak boleh mengeluarkan pandangan terhadap kenyataan yang dibuat kerajaan negeri.

Beliau merasakan Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim mungkin



TUNKU ISMAIL SULTAN IBRAHIM

tidak memahami Persekutuan berikutan kenyataan tentang

kerajaan yang ditadbir Pakatan Harapan (PH).

“Tidak faham tentang Persekutuan, barangkali masa itu belum dilahirkan, tak tahulah. Tetapi saya dilahirkan masa itu. Kita buat Persekutuan bermakna Persekutuan menguasai seluruh negara.

“Tiada disebut bahawa Pusat tidak boleh mengeluarkan kenyataan kalau kerajaan negeri mengeluarkan kenyataan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH), di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai komen Tunku Ismail yang mahukan kerajaan memberi tumpuan untuk mentadbir negara.